

Ekspedisi penghapusan lanun oleh barat



LAUT BUKAN PEMISAH

Oleh ISMAIL ALI
Universiti Malaysia Sabah

MENURUT Anne Lidsey Reber (1967), bahawasanya "slaves were very valuable, both economically and politically".

Untuk tujuan tersebut, orang-orang Iranun, Balangingi di Tempasuk dan Marudu dan Dayak Laut di Sarawak telah berlayar di sepanjang pesisir pantai barat perairan Borneo Utara dan kawasan pedalaman seperti ke Brunei, Labuan, Sarawak dan Kalimantan termasuk menghargai Laut China Selatan menuju ke Pulau Sumatera dan Selat Melaka untuk memburu penduduk yang tinggal di pesisir pantai dan pedalaman untuk dijadikan hamba bagi tujuan ekonomi, politik dan sosial, dijual atau dijadikan tawanan untuk mendapatkan wang tebusan di pelabuhan Brunei dan Jolo.

Hamba-hamba yang ditangkap ini akan dikerah untuk menjalankan pelbagai perkerjaan seperti mengeksploitasi hasil-hasil hutan dan hasil-hasil marin untuk dijadikan ufti kepada Sultan Sulu dan diperdagangkan di pelabuhan Jolo, menjadi tentera dan pengikut datu-datu Taosug, menjadi pendayung perahu yang sarat dengan pelbagai hasil hutan dan marin, membuat garam dan sebagainya.

Dalam pembangunan ekonomi daratan, hamba-hamba yang terdiri daripada orang Brunei, Melayu Sarawak, Murut, Dusun, Ida'an, Kayan, Kenyah, Kelabit, Punan, Bugis dan lain-lain lagi yang tidak begitu mahir dalam ilmu kelautan akan dikerah untuk memungut sarang burung, camphor, damar, lilin, rotan dan lain-lain lagi.

Daripada hasil-hasil hutan yang telah dinyatakan di atas, sarang burung yang diperolehi dari Gua Gomantong dalam jajahan Magondora telah muncul sebagai antara komoditi terpenting kepada Kesultanan Sulu.

Kepentingan sarang burung di pasaran antarabangsa khususnya China bermula apabila seorang Suluk bernama Abdullah telah membawa beberapa karung yang berisi sarang burung sebagai ufti kepada sultan Sulu.

Pada tahun 1814, kira-kira 380 pikul sarang burung dari Gua Gomantong telah di hantar ke pelabuhan Jolo sebelum diekspor ke Benua China.

Pada tahun 1837, nilai bagi

** Sambungan artikel 'Viking Timur di Borneo Utara' Oleh ISMAIL ALI, UMS **

setiap pikul sarang burung yang dihantar ke pelabuhan Jolo ialah antara 200 hingga 250 peso.

Daerah Paitan, Kinarubatan dan Kulepan pula telah muncul sebagai pengeluar camphor yang digunakan dalam bidang perubatan oleh masyarakat Cina.

Selain sarang burung, rotan yang didatangkan dari Teluk Marudu juga telah muncul sebagai salah satu sumber hutan yang penting dalam senarai perdagangan luar Kesultanan Sulu sehingga mewujudkan sebuah petempatan baru di Paitan dan Sungai Sugut.

Hamba juga diperlukan untuk mengeksploitasi sumber marin yang menjadi antara komoditi terpenting eksport Kesultanan Sulu ke Eropah dan China.

Perusahaan perikanan semasa pemerintahan Kesultanan Sulu di Borneo Utara dapat dibahagikan kepada tiga fungsi iaitu untuk tujuan perdagangan di pelabuhan Jolo seperti tripang, mutiara, sirip jerung, kulit dan telur penyu, agar-agar, ikan masin dan ikan kering; membekalkan keperluan sumber protein kepada golongan hamba yang tidak terlibat dalam perusahaan perikanan tetapi menjadi buruh dalam pengeluaran sumber-sumber hutan; dan sebagai alat pertukaran untuk mendapatkan hasil-hasil hutan yang dikeluarkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman.

Dalam hal ini, datu-datu Taosug telah menggunakan hamba yang terdiri daripada orang-orang Bajau Laut untuk mengeksploitasi sumber marin di perairan Borneo Utara. Menurut Handbook of British North Borneo (1890:39):

"The Bajau were the major fisheries of tripang and dredgers of pearls and they made compulsory contributions of these commodities to the datu lords. Nevertheless, because the Bajau were so vital economically and were inclined to more surreptitiously to other water if mistreated, the datu seems to have been more tender of oppressing them"

Memandangkan teknologi menangkap ikan yang diamalkan oleh Kesultanan Sulu masih lagi bercirikan tradisional, maka bilangan tenaga hamba yang ramai diperlukan untuk tujuan pengeksploitasian sumber marin ini.

Dalam perusahaan mutiara, datu-datu Sulu telah menggunakan khidmat hamba yang terdiri daripada orang-orang Bajau Laut (Samal) yang dikenali sebagai panglooroakan untuk menyelam ke dasar laut untuk mendapatkan mutiara yang diperolehi daripada sejenis spesies tiram yang dikenali sebagai "tepopy" atau mother of pearl shell.

Kehandalan dan kemahiran orang-orang

Bajau Laut melakukan kerja-kerja penyelaman tersebut telah digambarkan oleh Alexander Dalrymple (1808: 2) seperti berikut:

"The divers never use any expedient to facilitate their continuing under water, but drawing up their breath in the hollow of their hands; and even their scare ever is practised by professed divers who commonly go down in depths of seven or eight to twelve or fifteen fathoms; but through a few can dive in 20 fathoms, that is too great a depth for the fishery. They can swim to the bottom, tumbling when they first plunge into the water and then making long strokes, get out of sight in three or four. They rise a considerable distance from the place where go down, but this distance is merely accidental from the directions they go along to the bottom, their fortune in finding shells, and the time the divers continues under water; they generally remain from one to two minutes, but in warm sunshine they can stay, perhaps longer"

Labuk yang terletak dalam jajahan Magindora merupakan pengeluar utama mutiara di pantai timur Negeri Sabah.

Seperti juga dengan tripang, aktiviti pemungutan tepei juga memerlukan bilangan tenaga penyelam yang ramai.

Contohnya, pada tahun 1878 kira-kira 200 orang Bajau Laut telah diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja penyelaman dan pemungutan mutiara antara bulan Januari hingga Mac.


Selain mutiara, orang Bajau Laut juga diperlukan untuk perusahaan Tripang (holothuri spp.) yang juga dikenali sebagai beche-de-mer; sea cucumber atau sea slug juga telah muncul sebagai salah satu komoditi laut yang terpenting kepada ekonomi Kesultanan Sulu.

Di antara kawasan utama pengeluaran tripang di Borneo Utara termasuklah di Teluk Sandakan dan Sabahan. Hamba juga dikerahkan untuk menghasilkan ikan masin dan ikan untuk pasaran antarabangsa di pelabuhan Jolo, pembekal sumber protein kepada penduduk dan hamba yang tidak terlibat dalam industri perikanan, dijadikan sebagai alat pertukaran oleh datu-datu Sulu untuk mendapatkan komoditi hutan yang dihasilkan oleh penduduk di kawasan pedalaman yang jauh dari laut dan menghasilkan garam.

Thomas Forrest (1792:81) telah menggambarkan teknik pembuatan garam kasar oleh hamba yang terdiri daripada orang-orang Samal dan Samal Bajau Laut di Borneo Utara seperti berikut:

"... the Iranun based in Tunku caused havoc among Bugis prahus playing back and forth across the archipelago, especially among those journeying from Makassar to Buton. In November 1851, Sherif Yasin of Bengaya on the northeast coast of Borneo also stated that these Iranun had attacked many other local trading prahus"

"They cut down a quantity of wood always near the sea side, and rear over it a sort of shed, of the leaves of the tree



LUSTRASI perahu Bangkong Sumber: D.J.M. Tate. Rajah Brooke's Borneo: Petaling Jaya: Falcon Press Sdn. Bhd, 1988, hlm. 28.

of the palm kind, such as the sago, the nipa, or others. This pile is then set on fire; but as any flame issues, they throw on salt water to check it. In the manner they continue, till the wood be consumed, there remaining a quantity of ashes strongly impregnated with salt... These ashes they put into conical baskets, point downwards; and pour on fresh water, which carries off the salt into a through. They lye (residue) is then put into earthen pots, and boiled till it becomes sometimes a lump of salt, (and) sometimes salt in powder. They often burn in this manner seaweed, of which the ashes make a bitter kind of salt".

Selain memburu hamba, aktiviti maritime raiding yang dijalankan oleh orang Iranun, Balangingi dan Dayak Laut juga melakukan rompakan terhadap kapal-kapal dagang Barat milik British, Sepanyol, Belanda, China dan Bugis yang berlayar di Laut China Selatan untuk tujuan perdagangan termasuk menyerang pengkalan perdagangan Eropah.

Contohnya, pada tahun 1790-an, orang Iranun dari Tempasuk di Borneo Utara dan Rete di Sumatera telah merompak bijih timah dari kapal dagang Arab, China dan Belanda di Pulau Bangka.

William Wyndham, seorang pedagang di Jolo menyatakan bahawa orang Iranun dan Balangingi di Tunku telah merompak tiga kapal dagang British dan membunuh anak kapalnya termasuk perahu-perahu dagang Bugis. Menurut James Warren (2002:161):

"... the Iranun based in Tunku caused havoc among Bugis prahus playing back and forth across the archipelago, especially among those journeying from Makassar to Buton. In November 1851, Sherif Yasin of Bengaya on the northeast coast of Borneo also stated that these Iranun had attacked many other local trading prahus"

EKSPEDISI PENGHAPUSAN LANUN OLEH BARAT DI KEPULAUAN BORNEO


Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, aktiviti pemburuan hamba dan tindakan merompak kapal-kapal dagang serta serangan ke atas pusat-pusat perdagangan Barat terutamanya British, Belanda dan Sepanyol yang semakin berleluasa telah menjejaskan kepentingan para pedagang Barat dan pihak kolonial telah mengundang kepada campurtangan kolonial Barat untuk menghapuskan kegiatan orang-orang Iranun, Balangingi dan Dayak Laut di perairan Kepulauan Borneo.

Selain dari itu, pihak kolonial juga telah menjadikan alasan penghapusan amalan perhambaan yang bertentangan dengan amalan di Barat, rompakan kapal-kapal dagang Barat dan penglibatan para pembesar sebagai salah satu sebab untuk menjajah di Kepulauan Borneo dan Asia Tenggara amnya pada abad ke-19.

Di antara tokoh-tokoh Barat yang terkenal dalam sejarah penghapusan lanun di perairan Kepulauan Borneo termasuklah James Brooke, Kapten Edward Belcher; Kapten Rodney Mundy, Kapten Henry Keppel, Kapten Farquhar, Leftenan R.N. Wade dan Sir Thomas Cochrane di Sarawak dan Borneo Utara; Don Jose Maria Halcon (Sepanyol) di kepulauan Filipina dan Kapten Kolff (Belanda) di Indonesia.

Kempen penghapusan lanun secara besar-besaran di Sarawak dan Borneo Utara yang diterajui oleh James Brooke bermula sebaik sahaja berjaya mendapatkan Sarawak pada tahun 1841 dan Pulau Labuan pada tahun 1846 daripada Kesultanan Brunei.

Antara tugas utama Brooke sebaik sahaja dinobatkan sebagai Rajah of Sarawak ialah



POTRET James Brooke. Sumber: Bob Reece. The White Rajah's of Sarawak. Singapore: Archipelago Press, 2002, hlm. 34.

menghapuskan sebanyak mungkin Viking Timur yang dilabelkannya sebagai lanun perlanunan dan sistem perhambaan yang dianggapnya sebagai "devastating system" (James Warren, 2002:7) dengan cara menggubal undang-undang dan menubuhkan Court of Justice.

Peluang untuk menghapuskan Viking Timur oleh James Brooke ini menjadi lebih mudah lagi apabila Sultan Omar Ali Saifuddin II dari Brunei telah minta bantuan James Brooke untuk menentang orang-orang Iranun dan Balangingi di Marudu di bawah pimpinan Sherif Usman pada tahun 1830-an.

Untuk tujuan tersebut, James Brooke telah berlayar ke Singapura pada tahun 1843 menggunakan kapalnya bernama Royalist seberat 142 tan untuk mendapatkan bantuan Kapten Henry Keppel selaku pegawai pemerintah tentera laut British di Singapura.

Sebaik sahaja berjaya mendapatkan bantuan Kapten Henry Keppel, maka James Brooke telah


mula mengatur langkah bagi merealisasikan kempen penghapusan Viking Timur di Sarawak dan Kepulauan Borneo.

Di Sarawak, James Brooke telah memulakan siri kempen anti-Viking Timur (Iranun, Balangingi dan Dayak Laut) dengan menyerang pusat-pusat petempatan Dayak Laut termasuk penentangannya dari kalangan orang peribumi Sarawak, Melayu Brunei dan orang Cina.


Pada tahun 1843, Kapten Henry Keppel selaku komander kapal H.M.S Dido telah tiba di Sarawak dan menyusur masuk ke Sungai Saribas dan Sungai Batang Lupar untuk membuat tinjauan awal lokasi Dayak Laut.

Beliau telah menulis surat kepada Pangeran Rajah Muda Hashim, selaku gabenor Brunei di Kuching yang berkuasa di kawasan di Saribas dan Batang Lupar untuk membantunya dalam kempen tersebut dan telah dipersetujui oleh Pangeran Rajah Muda Hashim.

*****BERSAMBUNG*****



LUSTRASI perahu Bangkong Sumber: D.J.M. Tate. Rajah Brooke's Borneo: Petaling Jaya: Falcon Press Sdn. Bhd, 1988, hlm. 28.



ILUSTRASI perahu Kora-Kora. Sumber: Robert Nicholl. Raja Bongsu of Brunei. Selangor: Academe Art & Printing Services, hlm. 49